



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>PRINSIP PERAKAUNAN</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DPP 1023</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>APR 2016</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>3 JAM</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (10 Markah)  
BAHAGIAN B (30 Markah)  
BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A, BAHAGIAN B dan BAHAGIAN C.
  - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif
  - ii. Jawab BAHAGIAN B dan C di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 12 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi SEPULUH (10) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Kumpulan item yang manakah merupakan **aset bukan semasa?**

- A. Sewa premis terdahulu, gaji terdahulu, lengkapan
- B. Bangunan, tanah, sewa diterima terakru
- C. Perabot, tunai, penghutang
- D. Mesin, kenderaan, premis

2. Akaun berikut menunjukkan catatan lejar bagi satu urus niaga.

Akaun Tunai		
	2016	RM
	Feb 10	Kenderaan 30 000
Akaun Kenderaan		
2016	RM	
Feb 10	Tunai 30 000	

Apakah prinsip yang diamalkan?

- A. Beterusan
- B. Pemadanan
- C. Catatan bergu
- D. Kos sejarah

3. Sewa diterima terdahulu dicatatkan dalam kunci kira-kira sebagai \_\_\_\_\_

- A. Aset semasa
- B. Liabiliti semasa
- C. Aset bukan semasa
- D. Liabiliti bukan semasa

4. Urus niaga manakah yang mengurangkan aset dan liabiliti perniagaan?

- A. Terima pinjaman dari bank
- B. Bayar pembiutang dengan cek
- C. Beli barang niaga secara tunai
- D. Ambilan stok untuk kegunaan peribadi

5. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Kerisik.

	RM
Aset bukan semasa	10 000
Aset semasa	6 980
Liabiliti bukan semasa	6 000
Liabiliti semasa	580

Berapakah ekuiti pemilik perniagaan berkenaan?

- A. RM 10 400
- B. RM 11 560
- C. RM 22 400
- D. RM 23 560

6. Kedai Rakesh telah menjual stok yang bernilai RM1,000 secara kredit kepada

Encik Dani. Apakah akaun yang dikreditkan dalam urus niaga tersebut?

- A. Akaun stok
- B. Akaun jualan
- C. Encik Dani
- D. Kedai Rakesh

7. Urus niaga yang berikut berlaku dalam perniagaan Aii Lee Book Store.

Pemilik telah mengambil barang niaga untuk kegunaan sendiri.

Urus niaga tersebut direkodkan sebagai ambilan dalam buku perniagaanya.  
Apakah konsep yang digunakan?

- A. Materialiti
- B. Ketekalan
- C. Tempoh perakaunan
- D. Entiti berasingan

8. Pilih fungsi imbangan duga

- A. Menghitung jumlah ekuiti pemilik
- B. Mengira keuntungan atau kerugian perniagaan
- C. Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan
- D. Menguji ketepatan catatan urus niaga berasaskan system catatan bergu

9. Catatan manakah yang menunjukkan baki normal yang betul dalam lajur imbangan duga?

	Butir	Lajur
i	Penghutang	Kredit
ii	Modal	Kredit
iii	Hasil sewa	Debit
iv	Perabot	Debit

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. ii dan iv
- D. iii dan iv

10. Apakah tujuan para peniaga menyediakan Penyata Penyesuaian Bank?

- A. Mengetahui prestasi perniagaan
- B. Merekodkan aliran tunai masuk dan aliran tunai keluar perniagaan
- C. Menyalarkan baki di buku tunai dan baki di penyata bank
- D. Mengawal penerimaan dan pembayaran wang dengan cek

(10 markah)

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Pengguna maklumat perakaunan terbahagi kepada dua kategori iaitu pengguna dalaman dan pengguna luaran. Jelaskan DUA (2) pengguna dalaman dan DUA (2) pengguna luaran maklumat perakaunan.

(4 markah)

- b. Huraikan konsep dan prinsip asas perakaunan berikut:

- i. Wang sebagai ukuran
- ii. Tempoh perakaunan
- iii. Kos sejarah

(6 markah)

- c. Jelaskan perbezaan di antara milikan tunggal, perkongsian dan syarikat dari segi:

- i. liabiliti
- ii. pengurusan dan kawalan

(6 markah)

- d. Nyatakan DUA (2) fungsiimbangan duga dan DUA (2) penyebabimbangan duga tidak seimbang.

(4 markah)

**SOALAN 2**

Berikut merupakan transaksi perniagaan bagi F&Z Trading pada bulan Januari 2016:

Tarikh	Transaksi
1	Pemilik memulakan perniagaan dengan memasukkan RM30,000 ke dalam akaun bank
2	Meminjam tunai dari Azni sebanyak RM5,000
5	Membeli sebuah van bernilai RM85,000 untuk kegunaan perniagaan secara kredit dari NZC Bank
7	Membeli barang niaga secara kredit dari Razif sebanyak RM3,800
13	Jualan tunai kepada Zahirah sebanyak RM2,800
18	Bayar hutang Razif dengan cek sebanyak RM1,500
22	Jualan secara kredit sebanyak RM5,200 kepada Yasmin Enterprise
25	Bayar gaji pekerja dengan tunai RM1,300
27	Bayar sewa premis dengan cek sebanyak RM900
30	Terima hasil komisyen dengan cek sebanyak RM700

**Dikehendaki:**

Tunjukkan kesan bagi setiap transaksi ke atas persamaan perakaunan seperti ditunjukkan di dalam contoh di bawah:

Contoh: Menerima cek bernilai RM400 dari penghutang

	Aset+ Belanja				Liabiliti + Ekuiti+ Hasil						
	Jul 2015	Aset (RM)	Belanja (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti Pemilik (RM)	Hasil (RM)	(+)	(-)	(+)	(-)	(+)
Contoh	Bank 400	Penghutang 400									

(10 markah)

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi TIGA (3) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Urusniaga berikut diperoleh daripada buku perakaunan Perniagaan Hambali.

		2016	RM
Jan	1	Memulakan perniagaan dengan tunai di bank sebagai modal	35,000
	5	Keluarkan tunai dari bank untuk kegunaan perniagaan	5,000
	9	Beli barang niaga secara kredit daripada Pembekal Yap	6,500
	10	Jualan tunai	860
	13	Pulangkan barang rosak kepada Pembekal Yap	190
	20	Melangsaikan baki hutang Pembekal Yap dengan cek	?
	26	Bayar gaji pekerja dengan cek	600

Anda dikehendaki menyediakan:

- a. Jurnal transaksi

(7 markah)

- b. Akaun lejar untuk mencatat semua urusniaga

(7 markah)

- c. Imbangan duga pada 31 Januari 2016.

(6 markah)

**SOALAN 2**

Berikut merupakan Imbangan Duga bagi Perniagaan Aiman pada 31 Mac 2016.

**Imbangan Duga pada 31 Mac 2016**

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Stok pada 1 April 2015	11,230	
Ambilan	230	
Belian	56,490	
Jualan		77,570
Modal pada 1 April 2015		40,000
Alat tulis	340	
Gaji	5,040	
Penghutang	12,800	
Pemiutang		4,980
Belanja am	250	
Kenderaan		18,000
Perabot	8,400	
Angkutan keluar	560	
Pulangan jualan	210	
Pulangan belian		200
Insurans	960	
Diskaun diberi	110	
Diskaun diterima		480
Tunai	340	
Sewa	5,000	
Komisen diterima		300
Bank	7,200	
Angkutan masuk	2,160	
Susut nilai terkumpul : Kenderaan		1,680
Perabot		6,000
Kadar bayaran	1,890	
	<b>131,210</b>	<b>131,210</b>

Maklumat Tambahan:

- i. Stok akhir pada 31 Mac 2016 bernilai RM12,640
- ii. Susutnilai ke atas aset adalah seperti berikut:
  - Kenderaan - 20%
  - Perabot - 10%
- iii. Insurans didapati terlebih bayar sebanyak RM240
- iv. Sewa bagi bulan Februari dan Mac masih lagi tertunggak sebanyak RM1,000
- v. Peruntukan hutang rugu dikekalkan 2% ke atas penghutang

Anda dikehendaki menyediakan;

- a. Jurnal pelarasan  
(5 markah)
- b. Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mac 2016  
(12 markah)
- c. Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2016  
(8 markah)

**SOALAN 3**

Adli Enterprise menerima Penyata Bank bagi bulan berakhir 31 Januari 2016. Baki penyata bank yang diterima berbeza dengan baki buku tunainya. Penyata bank dan buku tunainya adalah seperti berikut:

**Penyata Bank**

Tarikh	Butir	Debit	Kredit	Baki
		RM	RM	RM
2016				
Jan 1	Baki b/b			12,800
3	Cek No. 112120	3,800		9,000
4	Deposit		6,920	15,920
7	Cek No. 112119	3,200		12,720
	Cek No. 112118	900		11,820
12	Deposit		10,102	21,922
13	Arahan Tetap-Sewa	500		21,422
14	Dividen – Teraju Berhad		1,300	22,722
20	Cek No. 112122	240		22,482
21	Cek No. 112121	1,700		20,782
24	Caj bank	70		20,712
26	Cek No. 112123	2,600		18,112
27	Deposit		4,710	22,822

**Buku Tunai (Ruangan Bank sahaja)**

2016	RM	2016	RM
Jan 1 Baki b/b	8,700	Jan 2 Belian	112120 3,800
4 Jualan	6,920	18 Alatan Pejabat	112121 7,100
10 Sinaran Berhad	10,102	19 Amani bakery	112122 240
13 Bayu Enterprise	840	23 Orchid Enterprise	112123 2,600
25 Jualan	4,710	27 Belanja runcit	112124 448
29 Anis Trading	1,928	29 Belian	112125 1,212
	33,200	31 Baki h/b	17,800
Feb 1 Baki b/b	17,800		33,200

Maklumat Tambahan:

- i. Cek No. 112121 telah tersalah rekod dalam Buku Tunai.
- ii. Cek yang diterima pada 13 Januari telah dipulangkan oleh bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh Bayar"

Anda dikehendaki:

- a. Mengemaskini buku tunai

(5 markah)

- b. Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Januari 2016.

(10 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

